

Penjurian Aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Negeri 2021



Labuan, 13 Sept – Penjurian Aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Pusat Kokurikulum Peringkat Negeri W.P. Labuan telah dijalankan oleh 24 orang juri bermula 8 September hingga 10 September 2021 yang telah diadakan di Makmal Komputer, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan SSTP di Jalan Bukit Besar Kampung Sungai Lada. Barisan juri adalah dari kalangan jurulatih Pusat Kokurikulum yang juga merupakan barisan guru dari seluruh sekolah di W.P. Labuan. Penjurian mengambil masa selama 3 hari berturut-turut kerana penyertaan yang sangat menggalakkan dari kalangan peserta. Seramai 100 murid Sekolah Rendah dan 155 orang murid Sekolah Menengah telah menyertai Pertandingan Aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum yang telah berlangsung dari 7 Ogos sehingga 30 Ogos yang lalu.

Terdapat 6 jenis pertandingan yang dipertandingan iaitu Ikatan dan Simpulan, Bantu Mula, Membina Gajet, Kraftangan dari bahan kitar semula, Lukisan Alam dan Masakan Rimba Ikhtiar Hidup. Semua pelajar yang menyertai pertandingan ini menghantar rakaman video mereka yang berdurasi 4 hingga 5 minit untuk dihakimi.



PKK2 – Sedutan Rakaman Video Bantu Mula kategori sekolah menengah

Menurut Abdul Kahar bin Abdul Rahim, Penolong Pengarah Pusat Kokurikulum pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang terancang, mantap dan praktikal dalam norma baharu sebegini akan menyokong pengembangan potensi murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi , rohani dan intelek selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penyertaan aktif dan berkesan murid dapat membantu dari segi menyediakan murid dengan sifat-sifat kecemerlangan diri seperti daya saing, jati diri, kreatif , kritis , berkeyakinan tinggi dan daya tahan bagi menghadapi cabaran era globalisasi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi [ICT]. Membantu juga meningkatkan tahap disiplin murid melalui pemilihan idea dan ketepatan rakaman yang dihasilkan, selaras dengan hasrat Rukun Negara.

Aktiviti Pendidikan Luar secara maya ini juga membantu mengukuhkan dan meningkatkan pengetahuan murid dalam pelbagai bidang. Peranan utama kurikulum masa kini adalah untuk menndedahkan murid dengan aktiviti yang menggembirakan seterusnya membantu mewujudkan persekitaran rumah yang menyeronokkan, menarik dan kondusif “ Outdoor Is Fun ” Usaha ini diharapkan dapat menghiburkan pelajar seterusnya melupakan seketika bebanan dengan Pembelajaran secara Dalam Talian.

Semoga aktiviti sebegini dapat membina konsep kendiri yang positif dan penghargaan diri yang tinggi supaya mempunyai perasaan hormat diri yang baik, realistik, mempunyai kebolehan memajukan diri serta menjadi lebih yakin dan berkebolehan menghadapi sebarang masalah serta mampu mengendalikannya dalam mendepani global pandemik Covid-19. Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang akan dilakukan sebaik sahaja selesai Karnival Bakat Murid anjuran Unit Pembangunan Bakat, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan yang telah dilancarkan oleh Encik Yusup bin Hj. Mohamad, Pengarah Pendidikan W.P. Labuan dengan tema Serlahkan Bakatmu.



PKK3 – Sedutan Rakaman Video Masakan Rimba Ikhtiar Hidup kategori sekolah rendah



PKK4- Sedutan Rakaman Video Kraftangan Bahan Kitar Semula kategori sekolah rendah

Berita Oleh : Pusat Kokurikulum Negeri W.P Labuan